

Headline	Teater Kelibat pukau 2,000 penonton		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	14 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	8,443	Readership	25,329
Section	News	Color	Full Color
Page No	30	ArticleSize	419 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,986	PR Value	RM 11,958



# Teater Kelibat pukau 2,000 penonton

**KUBANG PASU 13 Dis.** - Pementasan teater *Kelibat* arahan Mohd. Haziq Mohd. Jalil berjaya menggamit kehadiran kira-kira 2,000 mahasiswa dan masyarakat setempat pada persembahan perdana di Dewan Mu'adzam Shah di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini baru-baru ini.

Teater anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) UUM dengan kerjasama Persatuan Alumni UUM itu merungkai persoalan sosial yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat seperti penagihan dadah, amalan rasuah, kepercayaan mistik, tabiat perjudian nombor ekor dan peranan bomoh dalam perubatan tradisional.

Membuka tirai dengan suasana yang seram ternyata tidak mengecewakan ditambah pula elemen komedi dan muzikal yang diselitkan sepanjang persembahan.

*Kelibat* dipentaskan di bawah arahan Mohd. Haziq yang juga memegang watak sebagai hantu raya dan dibantu oleh Fathin Marissa Abd Aziz sebagai pontianak, Nurul Afzan Nasir sebagai drakula, Mohammad Aqram Md. Saupi sebagai pocong dan Siti Aishah Saikh Md. Nor sebagai hantu Cina.

Pengarah PBS, Huzaidy Hus-



**Lebih menarik, teater ini juga diselang-seli dengan tarian dan nyanyian yang mengasyikkan membuatkan teater ini juga mampu menyampaikan mesej kehidupan manusia yang berperangai seperti hantu.**

**HUZAIDY HUSSAIN**  
Pengarah PBS UUM

sain berkata, seramai 200 krew produksi yang terdiri daripada ahli Kelab Teater Warna, Kelab Tarian Bidasari, Kelab Muzik dan Sekretariat Budaya terlibat dalam pementasan teater komedi seram ini.

"*Kelibat* mengisahkan tentang persidangan hantu-hantu namun telah diganggu oleh kehadiran manusia yang mempunyai pelbagai kerenah. Sekumpulan hantu intelektual ini yang cuba mengupas dan merungkai persoalan sosial yang sering berlaku dalam kehidupan manusia.

"Lebih menarik, teater 'ini

juga diselang-seli dengan tarian dan nyanyian yang mengasyikkan membuatkan teater ini juga mampu menyampaikan mesej kehidupan manusia yang berperangai seperti hantu.

"Teater ini mempunyai elemen yang cukup menarik untuk membawa penonton menghayati jalan cerita yang dipentaskan namun saya berharap penonton dapat menghayati mesej yang ingin disampaikan menerusi persembahan teater ini," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Huzaidy, penganjuran ini bagi memberi lebih banyak peluang dan pendedahan kepada mahasiswa untuk membabitkan diri dalam cabang seni pementasan teater ini.

"Gabungan mantap ini memberi peluang untuk pelajar melontarkan suara dan meningkatkan tahap pemahaman terhadap pencahayaan, pengurusan, lakonan, pemahaman skrip dan persiapan pentas.

"Kejayaan teater ini secara tidak langsung dapat membanggakan warga UUM khususnya PBS yang bukan sahaja dapat melahirkan mahasiswa yang cemerlang dalam akademik malah turut bergiat aktif dalam program yang dianjurkan," ujarnya.



**AHLI** Dewan Undangan Negeri Bukit Kayu Hitam, Datuk Ahmad Zaini Japar (tengah) bersama pelakon teater bertajuk *Kelibat* di UUM, Sintok, Kedah, baru-baru ini. - IHSAN UUM